

**PODCAST BERSAMA MENUJU  
KE HADAPAN:**

# Menangani Kesaksamaan Kesehatan dengan Mengambil Kira COVID-19



**DR. DYLAN ROSS**

Dalam episod podcast Optum yang kelima Bersama Menuju Ke Hadapan, Dr. Dylan Ross bercakap dengan Michael Currie dan Dr. Rhonda Robinson-Beale. Currie ialah seorang naib presiden dan ketua pegawai kesaksamaan kesihatan bagi Kumpulan UnitedHealth. Robinson-Beale ialah seorang naib presiden kanan dan timbalan ketua pegawai perubatan sains kesihatan mental di Kumpulan UnitedHealth. Mereka telah berbincang mengenai kesaksamaan kesihatan dengan mengambil kira isu COVID-19.



**MICHAEL CURRIE**

## **Apakah itu kesaksamaan kesihatan?**

Kesaksamaan bermaksud mempertimbangkan keperluan unik individu. Ia juga bermaksud memberi perkhidmatan dan sumber seumpamanya yang diperlukan untuk memenuhi keperluan seseorang. Mike mengguna contoh sebuah basikal untuk menunjukkan bagaimana kesamaan dan kesaksamaan adalah berbeza. Jika kita memberi setiap orang basikal yang sama, itu adalah kesamaan. Tetapi basikal tersebut mungkin terlalu besar untuk sesetengah orang. Atau terlalu kecil untuk yang lain. Dan ia tidak termasuk penyesuaian untuk keperluan orangkurang upaya. Kesaksamaan, sebaliknya, adalah memberi setiap orang sebuah basikal yang sesuai. Apabila kita fikir tentang kesaksamaan kesihatan, itu bermaksud menyediakan akses kepada penjagaan kesihatan yang sesuai bagi setiap individu.



**DR. RHONDA  
ROBINSON-BEALE**

## **Bagaimana ketaksaksamaan kaum dan kesihatan berkait?**

Perkauman telah didokumentasikan dengan baik dalam penjagaan kesihatan. Dan kita dapat lihat keputusannya dalam hasil-hasil kesihatan termasuklah kadar kematian bagi COVID-19:<sup>1</sup>

- Kematian orang kulit hitam adalah pada kadar dua setengah kali lebih daripada orang kulit putih.
- Orang Asli Amerika dan Latin adalah satu pertiga lebih cenderung untuk mati daripada orang kulit putih.

Namun isu ini adalah jauh lebih besar daripada pandemik semasa ini. Robinson-Beale mengatakan bahawa kekurangan akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti hanyalah sebahagian daripada sebabnya. Bukti menunjukkan bahawa stres dan trauma yang kronik juga memainkan peranan kerana ia meningkatkan risiko bagi masalah kesihatan seperti tekanan darah tinggi, obesiti dan diabetes. Bagi orang kulit hitam, trauma perkauman mungkin berterusan. Dan peristiwa baru-baru ini seperti kematian George Floyd boleh menambah trauma tersebut – menyebabkan gejala mental dan fizikal.

### Apa yang boleh kita lakukan sebagai seorang individu?

Currie dan Robinson-Beale memberi beberapa petua:

- Bercakap dengan orang yang anda rapat. Perbualan ini bukan sahaja boleh memberi kesedaran dan kefahaman tetapi juga tindakan.
- Cari cara untuk merasa gembira apabila melakukan perubahan bersama seperti menyumbang wang atau meluangkan masa untuk membantu.
- Bagi mereka yang tidak mengalami ketaksaksamaan ini tetapi ingin menyokong kawan-kawan dan rakan sekerja, fikir bagaimana anda boleh mendekati seseorang yang berhadapan dengan kematian. Ia mungkin kematian seseorang yang disayangi atau kematian lain yang memberi impak kepada mereka. Tunjukkan empati. Biar jelas dalam mengatakan, “Saya tidak berada di tempat awak, tetapi saya sedar apa yang berlaku. Bagaimana cara terbaik untuk saya membantu awak?”

1. The COVID Tracking Project. The COVID Racial Data Tracker. Available at: <https://covidtracking.com/race>. Accessed August 5, 2020.

Program ini tidak harus digunakan untuk kecemasan atau keperluan penjagaan segera. Dalam keadaan kecemasan, hubungi 911 jika anda berada di Amerika Syarikat atau nombor telefon kecemasan tempatan jika anda berada di luar Amerika Syarikat, atau pergi ke jabatan kemalangan dan kecemasan yang berdekatan. Program ini bukanlah pengganti untuk rawatan doktor atau profesional. Oleh kerana terdapat potensi konflik kepentingan, perundangan undang-undang tidak akan disediakan bagi isu-isu yang mungkin melibatkan tindakan undang-undang terhadap Optum atau sekutunya, atau sebarang entiti di mana pemanggil sedang menerima perkhidmatan ini secara langsung (contohnya, pelan majikan atau kesihatan). Program ini dan semua komponennya, khususnya perkhidmatan kepada ahli keluarga di bawah umur 16 tahun, mungkin tidak tersedia di semua lokasi dan tertakluk pada perubahan tanpa pemberitahuan terlebih dahulu. Pengalaman dan/atau tahap pendidikan sumber Program Bantuan Pekerja (EAP) mungkin berbeza berdasarkan keperluan kontrak atau keperluan peraturan negara. Pengehadan dan pengecualian perlindungan boleh dikenakan.

Optum® adalah tanda dagang berdaftar Optum, Inc. di A.S dan kawasan yang lain. Semua jenama atau nama produk lain adalah tanda dagangan atau tanda berdaftar harta milik persendirian pemilik masing-masing. Optum adalah majikan peluang sama rata.

© 2020 Optum, Inc. Semua hak cipta terpelihara. WF998385 204584-082020